



*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

Voice of Academia Volume 11 (2)2016

## **TABLE OF CONTENT**

### **The Usefulness of Using Dikir Barat In Mandarin Learning**

Goh Ying Soon,  
Lee Chai Chuen,  
Ngo Kea Leng3

### **Leaving Child Without Reasonable Supervision In Malaysia: An Overview Under Child (Amendment) Act 2016 And International Legal Framework.**

Irma Binti Kamarudin  
Nur Irinah Binti Mohamad  
Sirat  
Sarirah Binti Che Rose  
Syatirah Binti Abu Bakar

### **Wakaf Tunai Instrumen Pembangunan Sosioekonomi Ummah Di Malaysia**

Surita Hartini bt Mat Hassan  
Dr. Mohd Nasir Ayub

### **The Relationship between Quality of Work Life (QWL) and Organizational Citizenship Behavior (OCB) in Oil and Gas Sector in Terengganu Malaysia.**

Marlina Binti Muhamad  
Dr. Kardina Binti  
Kamaruddin  
Mohd Fazil Bin Jamaludin  
Azlyantiny Binti Mohammad  
Nurul Akmar Tajuddin

### **Solat Jemaah: Kajian Terhadap Pengetahuan dan Penghayatan Mahasiswa UiTM Kedah**

Noor Syahidah Binti  
Mohamad Akhir (Dr)  
Nurazlina Binti Abdul  
Rashid  
Suhaida Binti Abu Bakar

***ACADEMIC SERIES COMMITTEE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH***

**Editor-in-Chief**

Mahazir Ismail(Dr.)

Mohd Rizaimy Shaharudin (Dr.)

**Managing Editor**

Siti Natasha Binti Mohd Yatim

**Field Editor Journal VOA**

**Name**

Mohamad Faizal Bin Ab Jabal  
Dr. Wan Adibah Wan Ismail

Etty Harniza Harun

Aishah Musa

Fadila Binti Mohd Yusof

Dalili Izni binti Shafie

Dr. Hafizah Besar Saaid

Dr. Azhari Md Hashim

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher

Syakirah Mohammed

Zetty Harisha Harun

Robekkah Harun

Siti Aisyah Yusof

Dr. Rosidah Ahmad

PM Dr. Nik Ramli Nik Abdul Rashid

Dr. Roziya Abu

Azmir Bin Mamat Nawi  
Syahrini Shawalludin

**Field/Subject**

Image Extraction, Segmentation, Recognition  
Accounting - financial reporting, corporate governance and auditing

International Business

Language Editor

Art & Design / Social Science

Human Resource Management

Management, Health Services Management, Office Management and Technology, Organizational Behavior, Biomedical ethics/bioethics/Islamic bioethics

Art & Humanities, Design Interaction / Visual Communications

Pengajian Islam, Usuluddin, Syariah, Perbankan Islam TESL/TESOL/ESL

Language Editor

TESL/TESOL/ESL

Pendidikan Islam, Al-quran dan Hadis, Tamadun Islam,

Sains dan Teknologi Islam, Psikologi Islam

Educational Technology, Educational Mathematics & Operation research

Marketing/Corporate Environmental Management

Rural Library, Community & Rural Development,

Community & Rural Empowerment, PR in Library & Information Resource Centre, Library & IRC Product/service Marketing & Promotion

Art & Design / Social Science

Graphic Designer

Copyright © 2017 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor. Printed by Perpustakaan Sultan Badlishah, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

## **SOLAT JEMAAH: KAJIAN TERHADAP PENGETAHUAN DAN PENGHAYATAN MAHASISWA UITM KEDAH**

**Noor Syahidah Binti Mohamad Akhir (Dr)**

Pensyarah Kanan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

noorsyahidah9177@kedah.uitm.edu.my

**Nurazlina Binti Abdul Rashid**

Pensyarah

Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

azlina150@kedah.uitm.edu.my

**Suhaida Binti Abu Bakar**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

suhaida596@kedah.uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

Solat jemaah adalah suatu bentuk pengibadatan yang sangat dituntut dalam Islam. Kelebihannya bukan sahaja bermanfaat dari sudut pengibadatan sebaliknya dari sudut pembangunan insan. Kertas kerja ini akan menfokuskan tahap pengetahuan dan penghayatan solat jemaah terhadap mahasiswa UiTM Kedah. Metod kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik bagi mengetahui maklum balas responden terhadap perihal solat jemaah. Kertas kerja ini adalah kajian rintis awal yang hanya memaparkan kajian berbentuk deskriptif dengan memaparkan data dalam bentuk peratusan terhadap pengetahuan dan penghayatan solat jemaah.

**Kata kunci :** Solat jemaah, pengetahuan, penghayatan, mahasiswa UiTM Kedah.

### **PENDAHULUAN**

Remaja berkualiti mampu membina sebuah negara dan seterusnya membentuk sebuah ketamadunan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Bagi merealisasi impian ini, universiti dilihat sebagai salah satu platform bagi menggembeleng usaha tersebut rentetan institusi ini mampu mengeluarkan produk insan berkualiti dan menawarkan sumber tenaga manusia berkemahiran serta berketerampilan untuk

manfaat negara, bangsa dan agama.

Dalam menungkah arus kemodenan, universiti terpaksa mengharungi pelbagai cabaran yang lebih luas. Justeru, kebanyakkan universiti sangat mementingkan pembangunan modal insan di samping kecemerlangan akademik. Universiti Teknologi MARA (UiTM) antaranya di bawah pimpinan Yang Berbahagia Dato Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor pada tahun 2001, telah menganjurkan 7 model modal insan graduan UiTM, antaranya adalah mempunyai ciri-ciri kepimpinan, mempunyai kecerdasan dan ketahanan mental dan fizikal, mempunyai sifat jati diri dan bersyukur, mempunyai ciri-ciri personaliti yang seimbang (Mazura Anuar).

Dari perspektif keagamaan, kualiti modal insan yang digariskan mampu dijana dan ditingkatkan menerusi solat jemaah. Solat jemaah bukan sahaja mampu meningkatkan kualiti ibadah, malah potensi diri mahasiswa.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi mengkaji hubung kait solat jemaah dengan gaya hidup pelajar, beberapa objektif digariskan:

1. Mengkaji tahap pengetahuan mahasiswa UiTM Kedah berhubung solat jemaah.
2. Mengkaji tahap penghayatan mahasiswa UiTM Kedah berhubung solat jemaah.

## **LITERATURE REVIEW**

Bagi menjalankan kajian berhubung “*Mahasiswa UiTM Kedah : Kajian Terhadap Pengetahuan, Penghayatan dan Implikasi Solat Jemaah*” beberapa tinjauan kajian ilmiah telah dirujuk untuk mendapatkan gambaran awal berhubung latarbelakang masalah dan beberapa kajian yang telah dilakukan. Hasil tinjauan literatur mendapati masih belum ada kajian kes berhubung solat jemaah di kalangan mahasiswa UiTM Kedah.

“*Sejarah & Keajaiban Gerak Dalam Solat*” mengupas tentang sejarah, keistimewaan dan keajaiban solat. Buku ini memberi gambaran awal perihal latar belakang ibadah solat. Kajian perihal solat secara saintifik telah dilakukan oleh beberapa penyelidik dari Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan di Universiti Malaya (Abdul Rahman, 2015). Hasil kajian diterbitkan dalam bentuk buku dengan judul “*Solat Kebaikan Dari Perspektif Sains*” (Fatimah Ibrahim, 2009). Kajian menemui bahawa solat memberi kesan positif dalam aspek komposisi badan, denyutan jantung, pinggang, otak, otot dan disfungsi ereksi. Data-data tersebut san-

gat membantu kajian yang akan dijalankan ini. “*Solat sebagai Terapi Minda*” turut ditulis oleh Prof. Ir. Dr. Fatimah Ibrahim, mengupas tentang isyarat atau gelombang otak terhadap solat. Kajian yang dibuat sangat penting dan dapat dikaitkan dalam kehidupan seorang mahasiswa (Fatimah Ibrahim, 2014). Walau bagaimanapun buku-buku ini hanya mengkaji solat dan tidak menfokuskan kajian solat jemaah.

Sebuah buku kupasan lanjut “*Kesan Postur Dan Pergerakan Solat Terhadap Kesihatan Badan*” (Fatimah Ibrahim, 2014), mengetengahkan berhubung solat Jemaah. Hasil kajian mendapati mereka yang solat Jemaah mempunyai komposisi badan yang baik dan mempunyai tenaga yang lebih berbanding mereka yang solat bersendirian. Justeru, mahasiswa yang mempraktikkan solat berjemaah berpotensi untuk mendapat kesihatan yang lebih baik dan bertenaga dalam meningkatkan potensi diri.

Bahan ilmiah dalam bidang keagamaan “*Kehebatan solat Berjemaah*” (Ahmad Rifa’i), “*Solat Berjemaah Asas Kekuatan Peribadi, Masyarakat dan Ummah*” (Muhammad Nuruddin Marbu, 2011) dan “*Solat Jemaah Sebagai Sunnah Rasulullah S.A.W Bagi Mengangkat Martabat Ummat*” turut dirujuk (Abu ‘Athifah, 1996). Bahan-bahan ini mengetengahkan maklumat penting tentang solat Jemaah. Tujuh buah hadis perihal kelebihan solat Jemaah dan enam buah hadis perihal amaran meninggalkan solat jemaah dikupas dalam “*Fadilat Amal*” (Muhammad Zakariyya Kandhalawi, 2014).

Al-Quran sebagai salah satu sumber primer dalam kajian Islam banyak menekankan aspek solat. Dalam surah al-Mukminun (23: 1-2, 9) menyebut mereka yang berjaya adalah mereka yang khusyuk dalam solat serta memelihara solatnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua jenis metode iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kajian perpustakaan akan dijalankan berhubung dengan solat jemaah. Manakala metode kuantitatif diaplikasikan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Instrumen ini dibahagikan kepada empat bahagian bagi mendapatkan maklumat. Bahagian (i) demografik, (ii) penghayatan (iii) pengetahuan solat jemaah pelajar. Subjek kajian dipilih berdasarkan persampelan kebarangkalian untuk mendapatkan sampel daripada populasi. Kajian ini tidak akan menyentuh mengenai maklumat demografik dan latar belakang pelajar. Kajian ini akan menggunakan “Statistical Packages Social Science” (SPSS version 22.0) sebagai pakej perisian untuk menganalisa data. Analisis yang akan digunakan adalah seperti deskriptif analisis berdasarkan nilai min, frekuensi dan kajian Korelasi.

## DAPATAN KAJIAN

Kaji selidik dilakukan ke atas pelajar diploma dan ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi MARA (UiTM), cawangan Kedah, kampus Merbok,. Dapatan kajian bermula dengan maklumat demografik responden, diikuti dengan tahap pengetahuan pelajar berhubung solat jemaah, sejauh manakah mereka mengaplikasikan solat jemaah dalam kehidupan. Berikut adalah demografik responden.

**Jadual 1: Demografik**

	Bilangan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	58	20.9
Perempuan	219	79.1
<b>Umur</b>		
18	2	0.7
19	88	31.8
20	19	6.9
21	63	22.7
22	67	24.2
23	13	4.7
24	4	1.4
26	1	0.4
Tidakmenjawab	20	7.2
<b>Pendidikan</b>		
Diploma	132	47.7
Ijazah	145	52.3
<b>Pendidikan bapa</b>		
SRP/PMR dan kebawah	66	23.8
SPM	108	39
STPM	19	6.9
DIPLOMA	36	13
Lain-Lain	42	15.2
Tidak Menjawab	6	2.2
<b>Pendidikan Ibu</b>		
SRP/PMR dan kebawah	60	21.7
SPM	130	46.9
STPM	21	7.6
DIPLOMA	24	8.7
LAIN-LAIN	37	13.4
Tidak Menjawab	5	1.8

Jadual di atas menunjukkan latar belakang responden. Kebanyakkan responden adalah pelajar perempuan yang merupakan majoriti pelajar di sini. Secara keseluruhan mereka adalah golongan remaja berusia antara 19-22 tahun yang merupakan mahasiswa ijazah dan diploma. Data maklumat pendidikan ibubapa juga diteliti sebagai maklumat sampingan untuk mengetahui hubungan latarbelakang pendidikan keluarga dengan penghayatan solat jemaah. Majoritinya mempunyai kelulusan SPM

dan ke atas. Penelitian dilanjutkan berhubung tahap pengetahuan mahasiswa terhadap solat jemaah.

### **Jadual 2 : Pengetahuan Responden Berhubung Solat Jemaah**

Soalan	Salah	Betul	Tidak Menjawab
Solat Jemaah sah seandainya imam tidak membaca al-fatihah	8 (2.9%)	269 (97.1%)	0 (0%)
Solat Jemaah sah diimamkan oleh wanita jika tiada lelaki	40 (14.4%)	234 (84.5%)	3 (1.1%)
Solat Jemaah sah diimamkan oleh kanak-kanak lelaki yang belum dikhatarkan	30 (10.8%)	247 (89.2%)	0 (0%)
Solat Jemaah sah diakukan oleh dua orang Jemaah sahaja	12 (4.3%)	265 (95.7%)	0 (0%)
Solat Jemaah sah apabila terlewat 3 rakaat untuk solat zuhor.	38 (13.7%)	235 (84.8%)	0 (0%)
Solat Jemaah sah jika makmum mendahului imam.	78 (28.2%)	196 (70.8%)	3 (1.1%)
Solat Jemaah sah jika makmum mengikut perbuatan imam yang terlupa tahiyyat awal.	103 (37.2%)	173 (62.5%)	1 (0.4%)
Solat Jemaah sah jika imam tidak sujud sahwii kerana terlupa tahiyya awal.	163 (58.8%)	112 (40.4%)	2 (0.7%)
Nyatakan maksud makmum yang muafiq.	166 (28.1%)	158 (70.8%)	3 (1.1%)
Nyatakan maksud makmum yang masbuq.	65 (23.5%)	211 (76.2%)	1 (0.4%)
Nyatakan maksud makmum yang mufaraqah.	74 (26.7%)	199 (71.8%)	4 (1.4%)
Imam telah melakukan 3 kali rukuk untuk solat fardu zohor. Berapakah rakaat yang perlu ditambah oleh makmum setelah imam memberi salam.	78 (28.2%)	196 (70.8%)	1 (0.4%)
Syarat sah solat.	15 (5.4%)	260 (93.9%)	2 (0.7%)

Jadual menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab solat jemaah sah seandainya imam tidak membaca al-Fatihah. Berdasarkan jadual seramai 97% responden menjawab soalan dengan betul dan hanya 2.9% responden menjawab dengan salah. Jadual juga menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab solat jemaah sah diimamkan oleh wanita jika tiada lelaki. Berdasarkan jadual seramai 234 bersamaan 84.5% responden menjawab soalan dengan betul, 14.4% responden menjawab dengan salah dan 1.1% tidak menjawab soalan. Responden yang menjawab solat jemaah sah diimamkan oleh kanak-kanak lelaki yang belum dikhatarkan. Berdasarkan jadual seramai 247 bersamaan 89.2% responden

menjawab soalan dengan betul, dan 10.8% responden menjawab dengan salah. Bilangan dan peratus responden yang menjawab solat jemaah sah diakukan oleh dua orang jemaah sahaja. Berdasarkan jadual seramai 265 bersamaan 95.7% responden menjawab soalan dengan betul, dan 4.3% responden menjawab dengan salah.

Bilangan dan peratus responden yang menjawab solat jemaah sah apabila terlewat 3 rakaat untuk solat zuhur. Berdasarkan jadual seramai 235 bersamaan 84.8% responden menjawab soalan dengan betul, dan 13.7% responden menjawab dengan salah. Bilangan dan peratus responden yang menjawab solat jemaah sah jika makmum mendahului imam. Berdasarkan jadual seramai 196 bersamaan 70.8% responden menjawab soalan dengan betul, 28.2% responden menjawab dengan salah dan 1.1% tidak menjawab soalan. Responden yang menjawab solat jemaah sah jika imam tidak sujud sahwii kerana terlupa tahiyyat awal. Berdasarkan jadual seramai 112 bersamaan 40.4% responden menjawab soalan dengan betul, 58.8% responden menjawab dengan salah dan 0.7% tidak menjawab soalan.

Bilangan dan peratus bagi responden yang menjawab soalan “Nyatakan maksud makmum yang muafiq”. Berdasarkan jadual seramai 158 bersamaan 70.8% responden menjawab soalan dengan betul, 28.1% responden menjawab dengan salah dan 1.1% tidak menjawab soalan. Responden yang menjawab soalan “Nyatakan maksud makmum yang masbuq”. Berdasarkan jadual seramai 211 bersamaan 76.2% responden menjawab soalan dengan betul, 23.5% responden menjawab dengan salah dan 0.4% tidak menjawab soalan. Responden yang menjawab soalan “Nyatakan maksud makmum yang mufaraqah”. Berdasarkan jadual seramai 199 bersamaan 71.8% responden menjawab soalan dengan betul, 26.7% responden menjawab dengan salah dan 1.4% tidak menjawab soalan. Bilangan dan peratus bagi responden yang menjawab soalan Imam telah melakukan 3 kali rukuk untuk solat fardu zuhur. Berapakah rakaat yang perlu ditambah oleh makmum setelah imam memberi salam. Berdasarkan jadual seramai 196 bersamaan 70.8% responden menjawab soalan dengan betul, 28.2% responden menjawab dengan salah dan 0.4% tidak menjawab soalan. Responden yang menjawab soalan syarat sah solat. Berdasarkan jadual seramai 260 bersamaan 93.9% responden menjawab soalan dengan betul, 5.4% responden menjawab dengan salah dan 0.7% tidak menjawab soalan.

### **Jadual 3 : Skor Keseluruhan Tahap Pengetahuan Responden**

<b>Skor</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
6	5	1.8
7	4	1.4
8	15	5.4
9	38	13.7
10	50	18.1
11	60	21.7
12	68	24.5
13	19	6.9
14	3	1.1
Tidak Menjawab Soalan	15	5.4
Jumlah	277	100

Jadual 3 menunjukkan skor keseluruhan tahap pengetahuan responden yang dijawab dengan betul. Seramai 68 orang responden mendapat skor sebanyak 12 dari 14 soalan yang dijawab iaitu mewakili 24.5% daripada keseluruhan responden. Seramai 5 orang bersamaan 1.8% mendapat skor paling rendah iaitu menjawab 6 soalan dengan betul. Lebih dari 50% pelajar mendapat skor 10 dan keatas. Ini menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik dalam bab solat jemaah. Dalam Islam, penghayatan dan mengamalkan itu lebih penting khususnya dalam hal pengibadatan. Justeru aspek penghayatan turut diukur dengan 5 soalan.

#### **Jadual 4 : Penghayatan Solat Jemaah Responden**

<b>Soalan</b>	<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>Tidak setuju</b>	<b>Tidak pasti</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat setuju</b>	<b>Tidak menjawab</b>
Anda sering melakukan solat jemaah.	4	55	119	91	5	3
	1.4%	19.9%	43%	32.9%	1.8%	1.1%
Keluarga anda turut melakukan solat jemaah di rumah.	5	41	86	115	28	2
	1.8%	14.8%	31%	41.5%	10.1%	0.7%
Anda merasa tenang melakukan solat jemaah berbanding solat bersendirian.	3	13	31	120	107	3
	1.1%	4.7%	11.2%	43.3%	38.6%	1.1%
Anda mengetahui kepentingan solat jemaah.	2	0	14	145	115	1
	0.7%	0%	5.1%	52.3%	41.5%	0.4%
Anda mengetahui hikmah solat jemaah.	1	0	15	134	125	2
	0.4%	0%	5.4%	48.4%	45.1%	0.7%

Berdasarkan jadual di atas, responden kebanyakannya menjawab tidak pasti sama ada sering melakukan solat jemaah iaitu sebanyak 119 orang bersamaan 43%, diikuti mereka yang setuju sering melakukan solat jemaah adalah seramai 91 orang bersamaan 32.9%. Hanya sebilangan kecil sahaja yang sangat tidak setuju iaitu 1.4% dan tidak menjawab adalah 1.1%.

Kebanyakkan responden bersetuju bahawa ahli keluarga mereka melakukan solat jemaah di rumah iaitu seramai 115 orang bersamaan 41.5%, diikuti dengan 31% yang tidak pasti sama ada ahli keluarga mereka melakukan solat jemaah atau sebaliknya. Manakala hanya sebahagian kecil yang tidak melukannya di rumah iaitu 1.8% sahaja.

Secara majoritinya mengatakan bahawa melakukan solat jemaah adalah lebih tenang berbanding solat bersendirian iaitu sebanyak 120 orang bersamaan 43.3% manakala hanya 1.1% sahaja yang sangat tidak bersetuju dan tidak menjawab soalan.

Begitu juga dengan kepentingan solat jemaah kebanyakan daripada responden setuju bahawa mereka mengetahui kepentingan tersebut. Seramai 145 orang bersamaan 52.3% bersetuju mengetahui kepentingan solat jemaah. Diikuti dengan 115 orang bersamaan 41.5% yang sangat setuju bahawa mereka mengetahui kepentingan solat jemaah.

Peratusan yang tinggi juga daripada responden berhubung pengetahuan mereka terhadap hikmah solat jemaah. 134 orang bersamaan 48.4% adalah peratusan tertinggi yang setuju bahawa mereka mengetahui hikmah bersolat jemaah. Diikuti dengan responden yang sangat bersetuju iaitu 125 orang bersamaan 45.1%. Tiada responden yang tidak bersetuju dan hanya 0.4% sahaja yang sangat tidak bersetuju.

Sebagai rumusan, kebanyakkan daripada responden bersetuju bahawa keluarga mereka melakukan solat jemaah, walau bagaimanapun kebanyakkan mereka memberi jawapan tidak pasti sama ada mereka secara individu kerap melakukan solat jemaah atau sebaliknya. Namun secara majoritinya mereka mengakui bahawa mendapat perasaan tenang apabila melakukan solat jemaah, mengetahui hikmah dan kepentingan solat secara berjemaah.

## **KESIMPULAN**

Hasil dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan solat jemaah terhadap mahasiswa UiTM Kedah adalah sangat baik. Walau bagaimanapun, penghayatannya adalah di tahap sederhana.

Menjadi suatu keperluan untuk memupuk mahasiswa khususnya UiTM Kedah untuk mencintai solat jemaah. Disarankan agar pihak tertentu khususnya Hal Ehwal Islam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (HEI, ACIS) mengambil tindakan dengan memberi sokongan dan galakan kepada mahasiswa agar mengerjakan solat secara berjemaah. Antara tindakan yang boleh diaplikasikan adalah :

- 1) Membuat modul khusus, contohnya, modul kecintaan kepada Allah S.W.T dengan mengenal diri dan mengenal pencipta.
- 2) Bekerjasama dengan Hal Ehwal Pelajar (HEP) untuk memberi markah merit setiap kali mereka berjemaah di Pusat Islam.
- 3) Melatih imam muda dan bilal dari kalangan pelajar dengan memberi peluang kepada mereka untuk mempraktikkan solat jemaah.
- 4) Menghidupkan dan menyemarakkan kecintaan pelajar terhadap pusat Islam dengan melantik pelajar untuk mengorganisasikan institusi ini.

Hakikatnya, kunci kepada kejayaan hidup bermula dari akarnya iaitu kehidupan beragama. Kejayaan ilmuwan-ilmuwan Islam dahulu adalah bermula dari pengamalan pengibadatan sehingga mempengaruhi gaya hidup seharian. Rentetan itu, dilihat solat jemaah mampu untuk meningkatkan kualiti ibadah dan potensi diri mahasiswa.

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim

Abdul Rahman Haji Mohd Adil (2015). *Sejarah & Keajaiban Gerak Dalam Solat*, Johor : Pustaka Azhar.

Abu ‘Athifah (1996). *Solat Jemaah Sebagai Sunnah Rasulullah S.A.W Bagi Mengangkat Martabat Ummat*, Kuala Lumpur : Era Ilmu Sdn. Bhd.

Ahmad Rifa’i, *Kehebatan Solat Berjemaah*, Kuala Lumpur : BOOKMART.

Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abbas et.al. (2009). *Solat Kebaikan Dari Perspektif Sains*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Fatimah Ibrahim, Dr. Ng Siew Cheok (2014). *Solat Sebagai Terapi Minda*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Fatimah Ibrahim (2014). *Kesan Postur Dan Pergerakan Solat Terhadap Kesihatan Badan*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Mazura Anuar, Fairus Muhammad Darus, Memperkasakan Modal Insan : *Peranan Dan Cabaran Kolej Kediaman Di Universiti Teknologi MARA*, Shah Alam.

Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari (2011), *Solat Berjemaah Asas Kekuatan Peribadi, Masyarakat dan Ummah*, Kuala Lumpur : Telaga Biru.

Muhammad Zakariyya Kandhalawi (2014), *Fadilat Amal*, Kuala Lumpur : Maktabah Ilmiah Sdn. Bhd.

Shukri Ahmad, Yahya Don (9-10 Jun 2014), *Penghayatan Solat Dan Pengimaranan Masjid : Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia*, dlm. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014, Kota Kinabalu, Sabah.



